

## **Dahulu dan Kini**

MobiWeb Sdn Bhd diasaskan pada 24hb Januari 2007 oleh En. HP Ang, En. TY Yong, En. HM Ho dan En. KK Leong; empat orang jurutera perisian yang telah bergabung tenaga membina syarikat ini.

Pada tahun 2008, setelah setahun beroperasi, MobiWeb Sdn Bhd mendapat status MSC yang didambakan. Dengan semangat mencipta perisian yang mendalam, pasukan ini telah mencipta VoIP softphone, PBX dan aplikasi tol bebas web yang memulakan perkhidmatan Mobiweb kepada beberapa syarikat.

Sepanjang perjalanan ini, pasukan MobiWeb telah banyak mencipta perisian untuk menyelesaikan masalah perniagaan dalaman dan luaran. Salah satu perisian ini adalah BMO (Aplikasi Pengurusan Perniagaan) yang mengotomasikan operasi syarikat dari segi perakaunan kewangan sehingga ke pengurusan sumber manusia. BMO boleh beroperasi dari premis ataupun dihoskan di awan. Apabila data dimasukkan ke dalam BMO, data ini boleh dikongsi antara jabatan dan memudahkan semakan laporan kewangan serta rekod perkhidmatan pelanggan dengan hanya satu klik sahaja.

Salah satu produk yang menjadi jualan hangat dari Kumpulan MobiWeb adalah Perisian POS yang memberikan anda gabungan perisian terbaik bersama dengan mesin sistem POS yang canggih. MobiWeb memastikan semua pelanggannya diberi sokongan kepakaran serta jaminan terhadap produk yang dibeli selain dapat meningkatkan perisian POS mereka untuk keperluan khas masing-masing. Semua ini dapat dilakukan dengan pertolongan pasukan sokongan yang berdedikasi serta jurutera pemaju perisian yang berupaya.

Pada tahun 2014, BizCloud Asia Sdn Bhd telah ditubuhkan untuk membangunkan aplikasi mobil. Vocotext adalah perisian mesej segera yang berfungsi seperti 'Whatsapp' tetapi ia merupakan aplikasi komunikasi untuk B2C atau perniagaan kepada pengguna. Ia menyediakan saluran telekomunikasi korporat dalam syarikat dan antara pekerja atau saluran telekomunikasi luaran antara syarikat dan pengguna.

Bulan Januari 2017 menandakan ulang tahun ke-10 bagi MobiWeb Sdn Bhd. Syarikat ini telah mengembang dari sebuah syarikat dengan hanya 4 orang jurutera perisian pada Januari 2007, hingga ke 50 orang pekerja dalam pelbagai jabatan hari ini. Dengan cawangan di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru, MobiWeb dapat memberi layanan yang lebih baik buat pelanggan-pelanggan di Malaysia dan Singapura. Hari ini, MobiWeb dapat memberi khidmat pelanggan 7 hari seminggu dengan sokongan talian PERCUMA dan online.

Setiap cawangan MobiWeb menggunakan perkhidmatan VoIP (Voice over Internet Protocol) untuk membuat panggilan dalam dan luar cawangan, pada nombor telefon bimbit serta panggilan antarabangsa. Sebagai contoh, panggilan di cawangan KL boleh dipindahkan ke cawangan Pulau Pinang tanpa panggilan tergantung. Ini adalah salah satu daripada teknologi utama yang terdapat di Kumpulan MobiWeb dan dipasarkan oleh anak syarikat milik penuh; WebASP Sdn Bhd. Hari ini kita menyediakan perkhidmatan bagi banyak pelanggan di Malaysia dan Singapura bagi keperluan PBX yang menyediakan sambungan dalam persekitaran pejabat serta keperluan VoIP.

Produk-produk yang dicipta di MobiWeb adalah untuk bahagian SME atau PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia) terutamanya bagi usahawan yang bermula secara kecil-kecilan. Segala produk yang direka adalah untuk melicinkan proses perniagaan operasi harian serta mengurangkan kos operasi korporat kerana MobiWeb berpendapat bahawa kebanyakan proses operasi harian boleh diotomasikan dan disokong oleh perisian kami. Sila berhubung dengan kami untuk maklumat lanjut.

### **Bantuan Kerajaan**

Kerajaan Malaysia telah banyak membantu menyokong syarikat-syarikat baru. Dalam proses permulaan MobiWeb pada tahun 2007, kami menerima sokongan daripada SME Corp (Korporasi PKS Malaysia), MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia), MGS (Skim Penyelidikan dan Geran Pembangunan MSC Malaysia serta Koridor Utara. Kami amat berterima kasih ke atas sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia dalam membantu memupuk syarikat perisian tempatan.

Kami menyedari kepentingan pembangunan sumber manusia dalam industri perisian, oleh itu, MobiWeb Infocenter Sdn Bhd dimulakan sebagai pusat latihan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang disahkan oleh PSMB (Pembangunan Sumber Manusia Berhad). Kursus-kursus latihan yang diperakui untuk produk kami adalah untuk menolong orang ramai, terutamanya tenaga kerja korporat dan kerajaan untuk lebih memahami cara berkerja yang efektif dan produktif melalui perisian kami.

### **Visi**

Industri perisian adalah salah satu industri tanpa sempadan, oleh itu kami sentiasa mencari cara-cara menembusi pasaran baru seperti pasaran negara Filipina pada tahun 2017 dengan produk-produk MobiWeb yang sedia ada. Kami juga berhasrat mengekalkan momentum pencapaian kami di Malaysia dan Singapura dengan mendapat lebih banyak bahagian pasaran dalam sektor VoIP, POS, BMO awan (Perakaunan, Pengurusan Perhubungan Pelanggan dan lain-lain) termasuk VocoText (aplikasi mesej segera B2C, SMS). Kami menyedari bahawa pasaran di Malaysia dan Singapura mempunyai banyak potensi untuk bertumbuh lebih besar lagi. Dengan perkembangan R&D atau penyelidikan dan pembangunan dalam perisian kami, sasaran kami adalah untuk menyatu-padukan kesemua perisian supaya dapat menyokong satu sama lain dengan mudah. Kemahuan ini menambahkan keupayaan setiap perisian kami serta menolong pemilik-pemilik perniagaan kecil dan sederhana memulakan dan mengendalikan perniagaan mereka dengan berkesan.

Kami sedar akan kepentingan keseimbangan rumah tangga dan kerjaya, oleh itu, Kumpulan MobiWeb sentiasa bermatlamat agar membina persekitaran kerja yang lebih baik untuk tenaga kerja kami. Kami juga mengambil tindakan untuk mengurangkan jejak karbon dengan menggunakan mentol lampu LED (lebih kurang 500 keping) dalam semua cawangan selain mengurangkan penggunaan kertas di antara jabatan dan cawangan.

Kami ingin memenuhi wawasan kami agar semua perniagaan menggunakan perisian kami untuk membantu operasi perniagaan dan pemasaran mereka.

## **Cabaran**

Manusia adalah teras perniagaan pembangunan perisian. Di Malaysia, kita bernasib baik kerana mempunyai banyak bakat dalam pembangunan perisian. Walau bagaimanapun, kami sentiasa bersaing dengan Singapura dan banyak lagi MNC (syarikat multi nasional) dari segi gaji, faedah dan persekitaran kerja.

Perubahan perisian adalah laju dan kerap berlaku, oleh itu ia sangat penting untuk sentiasa mengekalkan kadar kelajuan kami. Pasukan kami perlu sentiasa proaktif, inovatif dan sabar dalam membangunkan perisian dan menyokong pelanggan-pelanggan baru dan semasa. Jadi, cabaran untuk membangunkan perisian yang baru, lebih baik dan lebih cepat amat menyeronokkan dan mengujakan.

Sikap positif membawa kepada kerjaya yang berjaya. Sikap yang betul akan membawa pengetahuan dan pengalaman yang baik untuk anda. Walau bagaimanapun, kami berpendapat bahawa terdapat banyak lagi peningkatan yang diperlukan di sini. Generasi baru kini terlalu biasa dengan kehidupan yang mudah. Pengurusan masa adalah faktor yang penting untuk membina kehidupan yang berjaya. Setiap orang diberikan 24 jam dalam sehari, ia terpulang kepada individu itu, bagaimana masa itu digunakan, sama ada disia-siakan atau untuk menentukan masa depan yang cerah.

Kebanyakan syarikat teknologi tinggi dibiayai oleh modal yang besar tanpa mementingkan keuntungan buat masa ini. Mereka hanya ingin membuat pendirian korporat dan mendapatkan bahagian pasaran. Ini adalah satu trend di mana ramai usahawan bertujuan mendapatkan pembiayaan berbanding dengan mendapatkan keuntungan dari jualan sebenar. Berita baik adalah, lebih banyak lagi dana venture capital memberi tumpuan terhadap industri perisian, tetapi ini bermaksud, lebih banyak cabaran yang sukar bagi syarikat perisian yang dibiayai sendiri.

## **Khidmat Masyarakat**

Setelah 10 tahun bergelar usahawan, kami di sini untuk meraikan pencapaian selama ini serta memberi derma buat beberapa sekolah dan rumah kebajikan. RM20888 akan diberikan kepada SMJK Jit Sin High School, RM5000 untuk SMJK Jit Sin Independant dan RM2000 buat Pertubuhan Kebajikan Nasyiatul Aisyiyah.